

21 JAN 1996

Mikro - Kebenaran

DCA BERI KEBENARAN KRUL BUAT LATIHAN PENERBANGAN

LANGKAWI, 21 Jan (Bernama) -- Jabatan Penerbangan Awam (DCA) memberi kebenaran segera kepada Kelab Rekreasi Udara Langkawi (KRUL) untuk mengadakan latihan penerbangan pesawat ringan mikro di kawasan Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi.

Kebenaran itu diberikan oleh Ketua Pengarah DCA, Haji Zaini Haji Omar semasa perbincangan dengan anggota jawatankuasa kelab berkenaan di sini.

Bagaimanapun, menurut beliau KRUL perlu memastikan aspek keselamatan diutamakan dan mendaftarkan juruterbang pelatih mereka dengan DCA.

Bernama difahamkan KRUL sebelum ini tidak mendapat kebenaran untuk mengadakan latihan penerbangan kerana kesibukan lapangan terbang itu.

Bercakap kepada pemberita selepas perbincangan berkenaan, Zaini berkata kebenaran itu adalah sebahagian usaha kerajaan menggalakkan dan memajukan lagi industri penerbangan di pulau peranginan bebas cukai ini.

"Ia juga selaras dengan saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk menjadikan Langkawi sebagai pusat industri penerbangan yang unggul di rantau ini," katanya.

Menurut beliau, DCA juga berharap dengan kebenaran itu, jabatan berkenaan telah memainkan peranannya untuk memajukan lagi industri pelancongan di Langkawi.

Zaini berkata DCA juga menggalakkan lebih banyak lagi kelab pesawat ringan ditubuhkan di negara ini bagi menanam minat menguasai ilmu penerbangan di kalangan rakyat Malaysia. Kini terhadap hanya lima buah kelab seperti itu termasuk KRUL. -- BERNAMA